



**SEKTOR PEMBELAJARAN
PEJABAT PENDIDIKAN KOTA BELUD**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2022
TINGKATAN 4**

1103/1

Bahasa Melayu

Kertas 1

2 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

- 1. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
- 2. Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
- 3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
- 4. Buku jawapan hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*
- 5. Calon yang didapati meniru boleh dikenakan tindakan tatatertib.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 5 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan obesiti.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **obesiti** dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.



Bahagian B
[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1.

Susulan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh pihak kerajaan akibat penularan wabak COVID 19, pembelajaran secara maya menjadi lebih signifikan dalam dunia pendidikan. Pembelajaran secara maya mampu mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang lebih komprehensif dan menarik kerana pelbagai unsur seperti grafik ataupun animasi boleh digabungkan semasa sesi pembelajaran.

Sumber: Dewan Siswa, Bil. 7/2020

Selain kebaikan yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan kebaikan-kebaikan pembelajaran secara maya.

2.

Pada dasarnya Internet merupakan medium yang berupaya untuk mendidik masyarakat dalam menentukan arus kehidupan mereka. Internet boleh diibaratkan seperti sebilah pisau yang sangat berguna jika digunakan untuk memotong buah atau sayur, tetapi boleh memberikan implikasi negatif jika disalahgunakan seperti menganiaya atau mencederakan orang lain.

Sumber: Dewan Siswa, Bil. 10/2020

Bincangkan.

3.

Menurut Profesor Madya Dr. Alvin Ng Lai Onn daripada Unit Psikologi Kesihatan, Fakulti Sains Kesihatan Universiti Kebangsaan Malaysia secara amnya personaliti merujuk perwatakan dan sikap yang dipamerkan, sama ada secara bersendirian ataupun di depan khalayak.

Sumber: Dewan Siswa Bil. 3/2020

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi personaliti seseorang remaja?

4.

Terdapat keadaan pengguna menyedari bahawa dirinya terbeli barang yang rosak setelah pulang ke rumah. Sebagai contoh, pengguna melihat barang yang dibelinya seperti karpas beras, gula tepung, dan garam koyak pada hujungnya. Kekoyakan ini boleh berlaku disebabkan oleh beberapa perkara seperti terkena benda tajam atau gigitan binatang.

Sumber: Dewan Ekonomi Bil. 6/2018

Sebagai pengguna yang bijak, sekiranya situasi di atas berlaku kepada diri anda, apakah tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan?

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT